



**KAJIAN INOVASI LAMAN WEB CAFÉ AQIL DI
KAFETERIA AQIL PERMATANG PAUH**

NURIN ISMAHANI BINTI ISAHAM (10DPM20F2023)

NUR SYAZANA BINTI RAHIM (10DPM20F2041)

ADLIN IZFAR HIDA BINTI ABD RAHIM (10DPM20F2047)

NURUL SYAFINAZ BINTI AHMAD ZAKIMI (10DPM20F2057)

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2022/2023

DPM4B

**Laporan Ini Dikemukakan Kepada Jabatan Perdagangan Bagi Memenuhi
Sebahagian Syarat Penganugerahan
Diploma Pengajian Perniagaan**

JABATAN PERDAGANGAN

SESI 1 2022/2023

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus *DPB6043 Business Project*, Sesi 1 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui :

Ketua Jabatan

Jabatan Perdagangan

Politeknik Seberang Perai,

Jalan Permatang Pauh,

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “*Kajian Inovasi Laman Web Cafe Aqil di Kafeteria Aqil Permatang Pauh*” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak Oleh :

Nama Penyelia : PUAN YUSLINA BT. ABDUL GHANI

Tandatangan Penyelia :

.....*Yuslina*.....

Tarikh : 10 DISEMBER 2022

Disahkan Oleh :

Nama Penyelaras : DR. ROHANI BINTI M.M YUSOFF

Tandatangan Penyelaras :

.....*Rohani*.....

Tarikh : 10 DISEMBER 2022

PERAKUAN PELAJAR

“Pengkaji mengakui bahawa laporan ini adalah hasil kerja pengkaji sendiri kecuali nukilan yang setiap satunya telah dijelaskan sumbernya.”

1. Tandatangan : *Nurin Ismahani*
.....
Nama : NURIN ISMAHANI BINTI ISAHAM
No. Pendaftaran : 10DPM20F2023

2. Tandatangan : *Nur Syazana*
.....
Nama : NUR SYAZANA BINTI RAHIM
No. Pendaftaran : 10DPM20F2041

3. Tandatangan : *Adlin Izzfar Hida*
.....
Nama : ADLIN IZZFAR HIDA BINTI ABD RAHIM
No. Pendaftaran : 10DPM20F2047

4. Tandatangan : *Nurul Syafinaz*
.....

Nama : NURUL SYAFINAZ BINTI AHMAD ZAKIMI

No. Pendaftaran : 10DPM20F2057

PENGHARGAAN

Dengan peluang yang ada ini, ribuan terima kasih diucapkan kepada Dr. Rohani Binti M.M. Yusoff iaitu pensyarah subjek Business Projek yang telah meletakkan sepenuh kepercayaan dan pertolongan kepada pengkaji untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Selain itu, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah penyelia Puan Yuslina Bt. Ghani atas budi bicara beliau dalam memberi didikan sepanjang masa tugas dijalankan.

Setinggi-tinggi penghargaan dihulurkan kepada semua pihak yang telah melibatkan diri samaada secara langsung atau tidak langsung dari aspek ilmu pengetahuan, bantuan tenaga, psikologi dan wang ringgit yang tidak ternilai bagi menyediakan projek akhir pelajar untuk kursus *DPB6043 Business Project* yang bertajuk “*Laman Web Cafe Aqil di Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Perai Permatang Pauh*”, bagi Sesi 1 2022/2023

Penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menyanjung sumbangan dan bantuan mereka. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada mereka dalam penghasilan laporan akhir projek pelajar untuk kursus *DPB6043 Business Project*, yang bertajuk “*Laman Web Cafe Aqil di Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Perai Permatang Pauh*”, bagi program Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai, Sesi Disember 2020.

ABSTRAK

Projek ini dihasilkan adalah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di Politeknik Seberang Perai. Kafeteria Aqil bertapak di Politeknik Seberang Perai sejak tahun 2020 sehingga kini. Kafeteria ini beroperasi dari 8.00 pagi hingga 9.45 malam. Perniagaan ini dimiliki oleh Ahmad Aqil Taquidin. Hasil daripada sesi temubual bersama pemilik pengkaji mengetahui masalah yang dihadapi oleh pihak Kafeteria Aqil iaitu pelanggan yang ramai sehingga tidak dapat ditangani. Bagi memudahkan pengumpulan maklumat dan kajian, pengkaji memilih Kafeteria Aqil untuk menjalankan kajian. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi di kafeteria ini iaitu pelanggan yang ramai sehingga tidak dapat ditangani oleh pihak Kafeteria Aqil dan masalah proses pengambilan pesanan yang tidak cekap. Kajian ini dibuat untuk mendapatkan maklum balas daripada responden tentang Laman Web *Café Aqil*. Seramai 30 orang responden telah dipilih. Setiap responden yang dipilih telah diberikan borang soal selidik bagi memperolehi maklumat kajian yang dikehendaki. Segala maklumat akan diproses menggunakan perisian Microsoft Word dan Microsoft Excel. Dapatan kajian mendapati pembangunan Laman Web *Café Aqil* sangat diperlukan di kafeteria ini. Pengkaji berharap dapatan boleh menyelesaikan masalah ini dengan segera.

ABSTRACT

This project was created to solve the problems faced at Seberang Perai Polytechnic. Aqil Cafeteria has been based at Seberang Perai Polytechnic since 2020 until now. The cafeteria operates from 8.00 am to 9.45 pm. This business is owned by Ahmad Aqil Taquidin. As a result of the interview session with the owner, the researcher found out the problem faced by Cafeteria Aqil, which is that there are so many customers that it cannot be dealt with. In order to facilitate the collection of information and research, the researcher chose the Aqil Cafeteria to conduct the research. The purpose of this study is to solve the problem faced in this cafeteria, which is the large number of customers that cannot be handled by the Aqil Cafeteria and the problem of the inefficient order-taking process. This study was done to get feedback from the respondents about the *Café Aqil* Website. A total of 30 respondents were selected. Each selected respondent was given a questionnaire to obtain the desired research information. All information will be processed using Microsoft Word and Microsoft Excel software. The study found that the development of the *Café Aqil* Website is necessary for this cafeteria. Researchers hope that the findings can solve this problem immediately.

BAB	SENARAI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Pengesahan Status Laporan Akhir		i
Pengesahan Laporan Projek Akhir		ii-iv
Penghargaan		v
Abstrak		vi
Abstract		vii
BAB 1: PENGENALAN		4
1.1	Pendahuluan.....	4
1.2	Latar Belakang Projek.....	6
1.3	Penyataan Masalah.....	7
1.4	Analisis Keperluan.....	8
1.5	Objektif Projek.....	13
1.6	Persoalan Projek.....	13
1.7	Skop Projek.....	14
1.8	Kepentingan Projek.....	15
1.9	Takrifan Istilah.....	16
1.10	Rumusan	18
BAB 2: KAJIAN LAPANGAN		19
2.1	Pendahuluan.....	19
2.2	Kajian Terdahulu/Ulasan/Siasatan.....	20
2.2.1	Keperluan laman web	21
2.2.2	Keberkesanan Laman Web	23
2.2.3	Perniagaan atas talian.....	24
2.3	Rumusan	25

BAB 3: METODOLOGI & REKA BENTUK.....	26
3.1	Pendahuluan..... 26
3.2	Reka Bentuk Kajian 26
3.2.1	Kaedah / Prosedur / Teknik penghasilan projek 26
3.2.2	Model ADDIE..... 27
3.3	Kaedah penghasilan projek 29
3.3.1	Teknik penghasilan projek 29
3.3.2	Cara untuk mengendalikan laman web Café Aqil di Politeknik Seberang Perai 33
3.3.3	Cara untuk mengendalikan Wix Owner untuk pengurusan pihak kafeteria..... 36
3.3.4	Bahan dan peralatan 41
3.3.5	Kajian rintis..... 42
3.3.6	Maklumbalas kajian rintis..... 42
3.3.7	Penambahbaikan produk 45
3.4	Kaedah analisis data..... 45
3.5	SWOT analisis 45
3.6	Analisis 4P 46
3.7	Impak projek 47
3.8	Rumusan 48
BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	49
4.1	Pendahuluan..... 49
4.2	Dapatan kajian 49
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan dan Masalah yang dihadapi Ketika membangunkan produk) 61
4.4	Analisis Keberkesanan Laman Web 63
4.5	Rumusan 63

BAB 5: KESIMPULAN	64
5.1 Pendahuluan.....	64
5.2 Kesimpulan	64
5.3 Cadangan	65
5.4 Limitasi Projek.....	65
RUJUKAN.....	67
Lampiran 1.....	70
Lampiran 2.....	71
Lampiran 3.....	72

BAB 1: PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

Sejak kemunculan World Wide Web (WWW), pelbagai urusan dapat dilakukan secara atas talian. Kebanyakan rakyat Malaysia, terutamanya golongan remaja meluangkan banyak masa melayari internet untuk melakukan aktiviti seperti bermain permainan atas talian, mencari maklumat serta berinteraksi dengan rakan-rakan (Hamid & Khatibi, 2006). Hal ini, pembeli lebih mudah terpengaruh untuk melakukan pembelian secara atas talian kerana kerap terdedah kepada iklan semasa menggunakan internet. Selain itu, aktiviti ini menjadi semakin popular kerana ia adalah cara yang paling mudah bagi orang ramai untuk membeli barang yang diidamkan secara tidak terburu-buru. Penjimatan kos berlaku kerana tidak perlu mengeluarkan kos tambang dan kenderaan, malah masa juga dapat dijimatkan untuk mendapatkan sesuatu produk atau perkhidmatan. Di negara maju, pembelian melalui internet sudah lama diamalkan dan tren ini semakin rancak berkembang dalam kalangan masyarakat tempatan. Melalui pembelian secara atas talian pembeli boleh melihat barangan yang ingin dibeli, membuat perbandingan dari segi harga, kualiti dan jenama sebelum membuat tempahan (Farhan Mat Arish et.al, 2016). Kemudahan internet pada hari ini tidak lagi dianggap sebagai trend, tetapi merupakan media yang memudahkan urusan harian masyarakat (Siti Haniah, 2015).

Nurmawaddah (2014) berpendapat bahawa aktiviti jual beli makanan atas talian terbukti mempunyai peluang yang sangat cerah dalam pasaran terutamanya dalam pasaran yang mana penjual dan pembeli ingin mengurangkan kos masing-masing untuk keberkesanan dan tempoh penerimaan yang cekap dan pantas. Namun begitu terdapat cabaran yang dihadapi dalam memperkasakan dan menggunakan kaedah pembelian atas talian khususnya semasa tempoh PKP yang berlangsung adalah barangan lambat sampai, penipuan atau scammer dan barangan rosak (Azlina Zainal Abidin, 2020). Melalui pembelian makanan secara atas talian ini, pengguna

atau pelanggan boleh terus membeli makanan daripada peniaga melalui internet dengan cara mencari pelbagai menu yang menarik dan kegemaran. Seterusnya, sejumlah kajian lepas telah dijalankan bagi mengetahui faktor-faktor yang mendorong kepada pembelian atas talian. Secara umumnya, pembelian makanan secara atas talian ini diminati kerana ia sangat mudah, menjimatkan masa dan menjimatkan kos jika dibandingkan dengan berbelanja di luar (Mujiyana & Ingge Elissa, 2013). Kajian yang dijalankan oleh S. Yuvaraj & Sheila Eveline (2018) juga mendapati pembelian tanpa tunai memberi kebaikan disebabkan faktor lebih selamat dan mudah. Hal ini, pembelian atas talian menjadi pilihan kini kerana tidak perlu keluar rumah serta lebih selamat.

Semasa aktiviti pembelian atas talian, kebanyakan pengguna membeli berdasarkan bentuk luaran produk atau perkhidmatan seperti gambar, maklumat yang berkualiti, klip video dan sebagainya yang bukan merupakan gambaran sebenar produk atau perkhidmatan tersebut (Lohse and Spiller, 1998; Kolesar and Galbraith, 2000). Menurut Shwu-Ing (2003), kelakuan pengguna adalah dipengaruhi oleh empat faktor psikologi yang utama iaitu persepsi, kepercayaan, motivasi dan sikap. Maka, dengan memahami kelakuan pengguna dan faktor-faktor yang mendorong pembeli membuat pembelian secara atas talian akan dapat membantu para peniaga yang menjalankan perniagaan atas talian dapat membangunkan strategi yang efektif dalam usaha meningkatkan lagi aliran pembelian di laman web mereka (Aldridge, Forcht and Pierson, 1997; Wysocki, 2000). Menurut kajian (Bee-Lia Chua, Shahrin Karim, Sanghyeop Lee dan Heesup Han, 2020) proses membuat keputusan pelanggan sangat dipengaruhi oleh ulasan pelanggan lain dalam talian yang disiarkan di laman web untuk menghubungkan pelanggan dengan pelanggan lain. Akhir sekali, ulasan pengguna dalam talian berfungsi untuk menyampaikan maklumat mengenai produk atau perkhidmatan dan sebagai cadangan.

1.2 Latar Belakang Projek

Melalui kajian yang telah dilakukan, syarikat yang dipilih adalah Kafeteria Aqil, di Politeknik Seberang Perai Permatang Pauh, Pulau Pinang. Kafeteria ini diuruskan oleh AQL Catering Enterprise yang bertapak di kafeteria Politeknik Seberang Perai sejak tahun 2020 sehingga kini. Kafeteria ini beroperasi dari 8.00 pagi hingga 9.45 malam. Pemilik perniagaan ini ialah Ahmad Aqil Taquidin.

Hasil temubual dengan pemilik, didapati kafeteria ini mempunyai seramai 21 pekerja iaitu 13 orang pekerja bekerja pada sesi pagi dan 8 orang pekerja lagi bekerja pada sesi malam. Kafeteria ini menyediakan pelbagai jenis makanan dan minuman, dan beroperasi pada setiap hari kecuali hujung minggu. Kafeteria ini terletak berdekatan dengan blok asrama pelajar, bilik kuliah dan Pusat Islam Al-Istiqlal.

Tambahan pula, kafeteria ini kini menyediakan perkhidmatan memesan makanan melalui aplikasi Whatsapp bagi pelanggan-pelanggan yang tidak rajin ke kafeteria untuk membeli makanan atau tidak mampu menunggu makanan sehingga siap kerana kekangan masa. Namun demikian, jumlah pesanan adalah terhad kerana pekerja kafeteria itu kurang membuka Whatsapp atas sebab kesibukkan melayan pelanggan yang ramai.

Selain itu, kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan membuat kajian mengenai masalah syarikat dan mencari penyelesaiannya. Antara masalah yang dihadapi adalah pelanggan yang ramai sehingga tidak dapat ditangani oleh pihak Kafeteria Aqil. Hal ini demikian, pengambilan pesanan daripada pelanggan dan penyediaan makanan menjadi tidak cekap. Oleh sebab itu, pengkaji bercadang untuk membuat laman web *Café Aqil* untuk menyelesaikan masalah yang ditimpa oleh pemilik kafeteria tersebut untuk mengaut keuntungan dan juga pelanggan dapat menjimatkan masa dengan membuat pembayaran secara atas talian melalui perbankan atas talian lantas memudahkan pelanggan dengan idea-idea inovasi dan kreatif.

1.3 Penyataan Masalah

Hasil daripada kajian, terdapat beberapa isu yang dialami oleh perniagaan Kafeteria Aqil ini. Antara masalah yang dihadapi adalah pelanggan yang ramai sehingga tidak dapat ditangani oleh pihak Kafeteria Aqil. Selain itu, tempat kafeteria ini sering sesak dengan pelajar yang ingin menunggu dan membayar makanan di kaunter pembayaran. Hal ini akan menyebabkan keadaan kafeteria itu menjadi huru-hara. Pemilik kafeteria ini turut mengambil inisiatif untuk menangani masalah ini dengan menyediakan meja makan dan kerusi untuk pelanggan menunggu makanan mereka sementara ia siap malahan dapat mengurangkan kesesakan di meja pembayaran tersebut.

Selain itu, masalah yang dihadapi adalah pengambilan pesanan daripada pelanggan dan penyediaan makanan menjadi tidak cekap. Hal ini disebabkan jumlah pelanggan yang banyak pada setiap masa. Hasil daripada tinjauan kami, pelanggan yang ramai menjadikan pertambahan yang banyak dalam pesanan maka, pihak kafeteria tidak dapat menyediakan makanan dengan cepat dan kualiti makanan turut terjejas. Dalam perniagaan makanan, kualiti makanan memainkan peranan yang sangat penting dalam menarik dan mengekalkan pelanggan.

1.4 Analisis Keperluan

Analisis keperluan ini dijalankan agar mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh Kafeteria Aqil dan para pelanggan di kafeteria tersebut. Analisis ini dijalankan agar keperluan-keperluan pengurus kafeteria dan para pelanggan dapat menyelesaikan pembinaan dan pembangunan laman web yang ingin diwujudkan ini. Seramai 35 orang responden telah menjawab soal selidik ini.




Rajah 1.4.1

Rajah 1.4.1 Menunjukkan bahawa seramai 74.3% responden mengundi tempoh masa yang diambil untuk membuat pesanan adalah '5 ke 10 minit'. Manakala 25.7% responden mengundi '11 ke 20 minit'



Rajah 1.4.2

Rajah 1.4.2 Menunjukkan seramai 65.7% responden mengatakan tempoh masa kebiasaannya mereka menunggu untuk mendapatkan makanan adalah '11 ke 20 minit'. Manakala 20% responden mengundi '21 ke 30 minit' dan 8.6% mengundi '5 ke 10 minit' bagi tempoh masa untuk mendapatkan makanan. Terakhir, 5.7% bagi masa 'lebih daripada 30 minit'.




Rajah 1.4.3

Rajah 1.4.3 Menunjukkan bahawa 100% responden mengatakan 'Ya' bahawa Kafeteria Aqil memerlukan platform digital.



Rajah 1.4.4

Rajah di atas menunjukkan bahawa 91.4% responden mengatakan ‘Ya’ berlakunya pembaziran masa ketika menunggu makanan siap di kafeteria manakala 8.6% responden mengatakan ‘Tidak’ berlakunya pembaziran masa.



Rajah 1.4.5

Rajah di atas menunjukkan bahawa ciri-ciri yang perlu ada pada laman web Kafeteria Aqil iaitu ‘Harga makanan’ sebanyak 100% manakala bagi ‘Menu harian’ pula adalah 97.1%. Seterusnya, ciri-ciri ‘Gambar’ sebanyak 94.3% dan ‘Perincian makanan’ sebanyak 94.3%.



Rajah 1.4.6

Rajah 1.4.6 Menunjukkan bahawa kesemua responden (100%) mengatakan ‘Ya’ bagi laman web Café Aqil harus dibangunkan dengan reka bentuk yang menarik.



Rajah 1.4.7

Rajah di atas menunjukkan bahawa 100% responden mengundi 'Ya' bagi laman web Café Aqil harus dibangunkan dengan bahasa yang mudah difahami.



Rajah 1.4.8

Rajah 1.4.8 Menunjukkan bahawa kesemua responden (100%) mengundi 'Ya' bagi laman web Café Aqil harus dibangunkan dengan system notifikasi yang menarik.



Rajah 1.4.9

Rajah di atas menunjukkan bahawa 100% undian bagi ‘Ya’ iaitu laman web Café Aqil harus dibangunkan dengan warna yang menarik.



Rajah 1.4.10

Rajah 1.4.10 Menunjukkan bahawa kesemua responden (100%) mengatakan ‘Ya’ bagi icon atau symbol yang digunakan dalam laman web Café Aqil harus jelas.

1.5 Objektif Projek

Projek ini dijalankan untuk

- i. Menenal pasti sama ada laman web *Café Aqil* yang dibangunkan dapat membantu pihak kafeteria menangani jumlah pelanggan yang ramai pada suatu masa.
- ii. Menenal pasti sama ada laman web *Café Aqil* dapat membantu menguruskan operasi harian kafeteria iaitu pengambilan pesanan dengan lebih cekap.
- iii. Menganalisis keberkesanan pemberitahuan notifikasi di laman web *Café Aqil* agar pihak kafeteria dapat menyediakan makanan dan minuman dalam tempoh yang sepatutnya.

1.6 Persoalan Projek

Persoalan projek merupakan satu persoalan untuk mengkaji tentang persoalan-persoalan yang akan ditanyakan kepada pengguna untuk pengkaji mengetahui tentang produk inovasi yang bakal diwujudkan untuk syarikat kafeteria ini. Antara beberapa persoalan projek ini ialah:

- ❖ Adakah laman web *Café Aqil* ini dapat membantu pihak kafeteria menangani jumlah pelanggan yang ramai pada suatu masa?
- ❖ Adakah laman web *Café Aqil* membantu menguruskan operasi harian iaitu pengambilan pesanan dengan lebih cekap?
- ❖ Adakah notifikasi dapat memberi peringatan yang cepat kepada pemilik?

1.7 Skop Projek

Skop kajian ini memfokuskan kepada masalah yang dihadapi oleh Kafeteria Aqil, di Politeknik Seberang Perai Permatang Pauh, Pulau Pinang. Mereka telah menjalankan perniagaan tersebut bermula dari tahun 2020 sehingga kini. Masalah perniagaan tersebut adalah pelanggan yang ramai sehingga tidak dapat ditangani oleh pihak Kafeteria Aqil. Bukan itu sahaja, pengambilan pesanan dan penyediaan makanan turut menjadi tidak cekap.

Oleh itu, pengkaji berinteraksi dengan pemilik Kafeteria Aqil untuk mengetahui tentang perniagaan tersebut dengan lebih mendalam. Maka, pengkaji mewujudkan laman web *Café Aqil* bagi menyelesaikan masalah serta memudahkan kerja pemilik. Kelebihan laman web *Café Aqil* ini ia dapat memudahkan pihak kafeteria dalam pengambilan pesanan dengan pantas. Malahan ia dapat menjimatkan masa pihak kafeteria kerana boleh menyediakan makanan dan minuman dalam masa yang ditetapkan.

1.8 Kepentingan Projek

Kepentingan utama projek ini ialah untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang sering terjadi di kafeteria ini. Disamping itu, untuk membantu Kafeteria Aqil dalam menguruskan kafeterianya.

1) Mempercepatkan proses mengambil pesanan.

Pelanggan yang ramai menyebabkan proses pengambilan pesanan menjadi perlahan. Hal ini menyebabkan pembaziran masa pihak kafeteria dan juga pelanggan. Maka, dengan wujudnya “Laman web *Café Aqil*” ini secara langsung dapat mempercepatkan proses mengambil pesanan di Kafeteria Aqil.

2) Mempercepatkan masa penyediaan makanan lantas menjimatkan masa menunggu pelajar.

Pesanan yang banyak menyebabkan pihak kafeteria mengambil masa yang banyak dalam penyediaan makanan. Hal ini menyebabkan pelanggan menunggu makanan mereka terlalu lama. Oleh itu, dengan wujudnya “Laman web *Café Aqil*” ini dapat mempercepatkan masa penyediaan makanan lantas menjimatkan masa menunggu pelajar.

3) Mengurangkan kesesakan dan jumlah pelanggan di Kafeteria Aqil pada suatu masa.

Jumlah pelanggan yang datang ke Kafeteria Aqil adalah sangat ramai. Hal ini menyebabkan keadaan kafeteria itu sesak dengan pelanggan yang ingin memesan makanan di kaunter dan membayar makanan mereka. Hal ini demikian, dengan adanya “Laman web *Café Aqil*” ini secara langsung mengurangkan kesesakan dan jumlah pelanggan di Kafeteria Aqil pada suatu masa.

1.9 Takrifan Istilah

Laman web

Berdasarkan tafsiran yang dikemukakan Yeni Susilowati (2019), laman web ialah sejumlah halaman web yang mempunyai topik yang saling berkaitan antara satu halaman dengan halaman yang lain, yang biasanya diletakkan pada pelayan web yang boleh diakses melalui internet atau rangkaian kawasan setempat (LAN).

Keberkesanan

Menurut Fowler, H.W. (Hurry Watson), keberkesanan bermaksud penghasilan kesan, akibat atau kesimpulan yang dihajati dari perspektif penyelidik dan pentadbir keberkesanan merujuk kepada kegunaan sepenuhnya sumber untuk meningkatkan jumlah dan mutu hasil yang dikeluarkan. Definisi keberkesanan adalah berdasarkan tahap pengukuran yang telah ditetapkan.

Pembangunan

Menurut Riyadi dan Deddy Supriyadi Bratakusumah, (2005), pembangunan merupakan proses untuk melakukan perubahan.

Pembelian atas talian

Berdasarkan kajian Suhaila N, A. Fatehah F, S. Syuhada A.R, N. Akhtar B, (2017), pembelian atas talian merujuk kepada perilaku perbelanjaan pengguna ke atas kedai atas talian atau laman sesawang yang bertujuan untuk pembelian secara atas talian. Pengguna memasuki dunia Internet untuk mencari dan membeli produk yang dikehendaki. Proses berbelanja melalui Internet akan berlaku apabila pengguna yang berpotensi menggunakan Internet dan mencari maklumat yang berkaitan dengan barang atau perkhidmatan yang mereka perlukan (Cicilia Desy Widya Permatasari, 2015).

Kod QR

Kod QR ("QR" singkatan frasa bahasa Inggeris quick response. "tindak balas cepat") adalah sejenis kod bar generasi kedua. Ia merupakan sejenis penyimbolan dua dimensi yang telah dibangunkan oleh sebuah syarikat Jepun iaitu Denso Wave dan telah dikeluarkan pada tahun 1994. Kod QR dapat menyimpan maklumat lebih banyak daripada kod bar Kod Produk Universal biasa kerana ia mengandungi maklumat secara menegak serta mendatar. Kod ini terdiri daripada modul hitam (titik segi empat) disusun dalam pola segi empat pada latar putih. Penggunaan kod QR membolehkan maklumat dihantar dari dunia fizikal ke alat mudah alih. (*Kod QR - Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas, 2017*)

E-wallet

E-wallet adalah salah satu aplikasi yang membolehkan pengguna melakukan transaksi dalam talian menggunakan peranti elektronik seperti tablet atau telefon bimbit. E-wallet adalah setara dengan wang daripada dompet sebenar, kecuali wang digital berfungsi melalui aplikasi pada telefon pintar (Aziz, Esa, Miskan, & Husin, 2021).

Grabpay

Grabpay merupakan satu kaedah pembayaran tanpa tunai iaitu melalui servis dompet mudah alih yang telah ditingkatkan oleh syarikat Grab. (Basaruddin, 2018)

1.10 Rumusan

Pengkaji telah membuat beberapa kajian tentang Kafeteria Aqil ini untuk menjadikan kafeteria ini mampu menyelesaikan masalah-masalah yang sering berlaku. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, pengkaji memutuskan untuk melakukan satu produk inovasi ini bagi membantu menyelesaikan beberapa masalah yang sering berlaku di kafeteria ini. Produk inovasi itu ialah laman web *Café Aqil*. Secara kesimpulannya, para pengkaji berharap agar laman web *Café Aqil* ini boleh menjadi satu laman web yang dapat diterima oleh pengguna khususnya pelajar kerana laman web ini merupakan satu teknologi masa kini.

BAB 2: KAJIAN LAPANGAN

2.1 Pendahuluan

Bab ini meninjau keperluan pembangunan laman web kepada sesebuah perniagaan. Perniagaan yang dijalankan termasuklah perniagaan yang baru dimulakan atau yang telah lama menapak. Pembangunan laman web ini adalah berdasarkan kepada keperluan perniagaan yang dikaji serta keperluan. Keberkesanan laman web juga akan dikaji berdasarkan kajian dan inovasi-inovasi terdahulu. Boleh dikatakan terdapat pelbagai jenis laman web tempahan yang diinovasikan dan telah dibangunkan di pasaran. Laman web yang dikaji ini pula, akan dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam membangunkan laman web pesanan makanan mudah alih secara atas talian yang boleh digunakan oleh para pengusaha perniagaan makanan. Tinjauan ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti kelebihan sesebuah laman web mudah alih untuk dijadikan panduan dalam membangunkan laman web pesanan makanan.

2.2 Kajian Terdahulu/Ulasan/Siasatan

Pemasaran merupakan elemen yang penting dalam menjalankan sesebuah perniagaan pemasaran yang baik dapat membantu melancarkan perniagaan seterusnya mengembangkan perniagaan yang telah dijalankan bagi memastikan kelangsungan perniagaan tersebut. Pada masa kini terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam menjalankan pemasaran perniagaan selari dengan perkembangan teknologi masa kini pembangunan laman web merupakan salah satu kaidah pemasaran yang boleh digunakan. Menurut Izatul Akmar & Amin Che Ahmat (2019), revolusi IR 4.0 telah merencanakan perkembangan teknologi termasuklah dalam industri pemasaran. Internet yang digunakan sebagai medium komunikasi secara atas talian telah dimanfaatkan juga dalam sektor ekonomi seperti di dalam sektor perniagaan dan pemasaran.

Berbagai aplikasi perniagaan makanan telah diperkenalkan di Malaysia seperti *Grab food*, *Shopee food*, *Foodpanda* dan lain-lain lagi. Aplikasi-aplikasi ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dari pengguna-pengguna yang telah membuat pesanan secara atas. Pada masa kini terdapat pelbagai kaedah yang boleh digunakan dalam menjalankan pemasaran perniagaan selari dengan perkembangan teknologi masa kini pembangunan laman web merupakan salah satu kaedah pemasaran yang boleh digunakan. Evolusi internet telah memperkenalkan industri baharu yang menarik di mana kreativiti dan semangat lebih penting daripada aset seperti hartanah. Di zaman internet sesiapa sahaja boleh memulakan perniagaan mereka tanpa perlu risau tentang trafik secara fizikal. Walau bagaimana pun seseorang peniaga masih memerlukan lokasi atau “*home base*” untuk perniagaan mereka bezanya perniagaan secara melalui maya adalah dengan membina kedai maya ada bukannya kedai fizikal.

2.2.1 Keperluan laman web

Menurut Ahmad Munir (2011) penggunaan teknologi berperanan penting dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan untuk pemasaran di mana teknologi maklumat bukan sahaja melibatkan literasi komputer malahan berfungsi sebagai media yang menyampaikan maklumat dalam bidang perniagaan. Laman web juga merupakan komponen atau koleksi komponen yang terdiri daripada teks, imej, bunyi, dan animasi supaya menarik untuk dikunjungi. Justeru itu, dokumen ini biasanya dihasilkan dalam bentuk HTML atau XHTML, dan biasanya mempunyai pautan-pautan ke laman lain pula. Laman web atau dikenali sebagai *world wide web* (www) juga dikenali sebagai jaringan sejagat yang terdiri daripada koleksi fail dalam talian yang dipanggil “*Online*”.

Menurut Saian, A. F., & Mat Rejab, M. (2022) Sistem Pengurusan laman web makanan adalah sistem berasaskan web yang dapat meningkatkan kualiti sistem sedia ada di Cafe Aqil dengan menggunakan sistem pengurusan cafe yang lebih maju. Memandangkan cafe Aqil masih menggunakan kertas dan pen untuk membuat pesanan, membuat salinan pesanan, menerima pembayaran secara tunai, dan tiada laporan jualan yang mudah dirujuk. Oleh itu, sistem ini dibangunkan khas untuk pemilik dan pekerja Cafe Aqil. Berikutan itu, sistem cafe Aqil boleh dijalankan dengan lebih sistematik, menjimatkan masa merekod dan mengemas kini maklumat pesanan, serta dapat memenuhi kepuasan pelanggan.

Selain itu, dengan menggunakan laman web pelanggan juga boleh membuat pembayaran tanpa tunai iaitu ‘*cashless payment*’. Menurut Jasniza Mohd Jaafar dan Mustafa Man (2022) Sistem pembayaran elektronik merupakan kaedah pembayaran melalui Internet yang semakin digemari oleh masyarakat Malaysia dan dunia amnya. Terdapat pelbagai saluran pembayaran yang memudahkan urusan pembelian antara penjual dengan pembeli iaitu transaksi tanpa tunai. Keyakinan pengguna semakin menyerlah dengan penambahbaikan keselamatan portal e-dagang dan kesungguhan pihak kewangan seperti institusi kewangan. Oleh itu, penggunaan sistem pembayaran secara elektronik ini yang berada di laman web cafe aqil dapat menjadi satu perkara yang memudahkan pelanggan dan lebih selamat serta lebih dipercayai pada masa kini.

Berdasarkan penggunaan laman web yang dihasilkan, secara tidak langsung dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh para peniaga yang menjalankan perniagaan. Penggunaan laman web di dalam perniagaan mampu memudahkan pelanggan untuk berjual beli. Selain dari itu, ia dapat menjimatkan masa pelanggan dalam proses pembelian dan memudahkan pelanggan membuat pencarian produk yang dikehendaki mereka. Hal ini kerana, laman web merupakan kedai atas talian yang dibuka secara 24 jam dan boleh dicapai oleh pelanggan dari mana jua tanpa mengira masa dan tempat mereka berada. Menurut Betty Ngu Cheh Ing (2002), selepas pembayaran kredit diterima dan diluluskan oleh penjual, maka proses penghantaran produk dan perkhidmatan dapat dilakukan.

2.2.2 Keberkesanan Laman Web

Menurut kajian Muhammad Thoriq bin Baharun dan Mohd Abd Wahab Fatoni bin Mohd Balwi (2021), platform e-dagang mampu mencapai jangkauan yang lebih meluas berbanding perniagaan secara fizikal. Dengan wujudnya capaian dan teknologi canggih, yang boleh digunakan di seluruh dunia, sudah tentu ia menjadi peluang yang besar kepada peniaga untuk mengembangkan perniagaan. Laman web yang dihasilkan semestinya dapat meluaskan sesebuah perniagaan dengan selalu mengoptimumkan pengurusan dan kemaskini data yang sedia ada.

Keberkesanan laman web pesanan makanan dalam talian membolehkan pelanggan membuat pesanan pada bila-bila masa. Perkara ini amat penting bagi seseorang pelajar yang amat mementingkan dengan isu pengurusan masa. Pelajar tersebut hanya perlu membuat tempahan melalui laman web *Café Aqil* dan menyatakan waktu untuk mengambil makanan tersebut melalui laman web yang digunakan. Dengan adanya laman web, pihak perniagaan Kafeteria Aqil dapat menyiapkan makanan yang ditempah oleh pelajar mengikut waktu yang dinyatakan oleh pelajar tersebut. Oleh hal yang demikian, tiada isu pelajar yang bermasalah tidak sempat untuk makan sebelum aktiviti pengajaran. Kesibukan pelajar membuat kerja atau tugas pada masa tertentu sehingga sanggup tidak keluar bilik untuk membeli makanan dapat dielakkan.

Menurut Mohamad Izwan Hafiz Jamsari, Norhaida Mohd Suaib (2016) Perniagaan restoran atau kedai makan merupakan perniagaan yang memberi pulangan yang lumayan kerana hampir semua restoran mempunyai kunjungan dari pelanggan setiap hari. Makanan merupakan antara keperluan utama dalam kehidupan seharian manusia dan kebiasaannya peniaga kedai makan akan sentiasa menerima pesanan makanan dari pelanggan mereka. Untuk memudahkan pelanggan membuat pesanan, kebanyakan kedai makanan telah disediakan senarai menu yang dicetak di atas kertas atau papan kenyataan. Dengan adanya sistem yang dimudahkan dengan teknologi pada masa kini, ia dapat membantu pelbagai industri dalam meningkatkan produktiviti syarikat mereka sama ada dari segi pembangunan strategi perniagaan ataupun peningkatan jualan produk yang lebih baik.

Dengan adanya sistem yang telah dimudahkan dengan teknologi pada masa kini, ia dapat membantu pelbagai industri dalam meningkatkan produktiviti syarikat mereka sama ada dari segi pembangunan strategi perniagaan ataupun peningkatan jualan produk yang lebih baik. Pada zaman ini, kebanyakan pengusaha lebih gemar menggunakan sistem seperti laman web. Hal ini demikian kerana, hal ini dapat memudahkan urusan mereka dalam mengambil pesanan, justeru dapat mempercepatkan kerja mereka. Dengan ini, ianya dapat membantu menguruskan operasi harian kafereria itu dengan lebih cekap dan efektif.

Dengan kelebihan yang ditawarkan kepada pelanggan, ia dapat membantu meningkatkan jumlah pesanan. Dengan membuat pesanan yang telah ditetapkan mengikut waktu atau masa yang ditetapkan oleh pelanggan, dapat menjimatkan masa pelanggan. Para pelajar tidak perlu membuang masa menunggu makanan untuk disiapkan di Kafeteria Aqil, mereka hanya perlu datang ke kafeteria hanya untuk mengambil pesanan yang ditempah oleh mereka melalui laman web *Café Aqil*. Perkara ini bukan sahaja dapat menjimatkan masa pelajar malah dapat menaikkan lagi imej perniagaan di samping kemudahan yang dijalankan oleh pihak cafe untuk para pelajar. Justeru, para pelajar secara tidak langsung tidak akan mengubah fikiran untuk bertukar selera membuang masa pergi menikmati makanan di cafeteria lain.

2.2.3 Perniagaan atas talian

Menurut Mamat, Suzanna Azmieda and Othman, Mohd Zainudin (2017), Perniagaan secara atas talian atau dikenali juga sebagai e-dagang menjadi fenomena di kalangan pengguna tidak terkecuali juga di Malaysia. Kini, urusan harian peniaga dan pengguna dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan internet dan bukan hanya sebagai trend semasa. Dengan kemudahan yang ada seperti perniagaan atas talian, peniaga boleh menjadikan situasi ini sebagai satu peluang untuk menambah pendapatan. Manakala bagi pengguna pula, mereka boleh membuat pemilihan dan pembelian tanpa ke kedai. Transaksi pembelian juga tiada had. Pengkaji membantu perniagaan kedai makanan tersebut dengan pengurusan berniaga secara atas talian iaitu melalui satu laman web yang pengkaji bangukan bagi memudahkan kedua-dua

belah pihak. Dengan ini, pengkaji dapat memuaskan hati para pengguna dan juga memberikan keuntungan kepada pemilik perniagaan.

2.3 Rumusan

Secara keseluruhannya bab dua telah membincangkan keperluan pembangunan laman web kepada peniaga atas talian, keberkesanan laman web ini kepada perniagaan. Bab ini secara ringkasnya dibahagikan kepada tiga bahagian tentang laman web. Bahagian pertama merupakan kajian terdahulu tentang keperluan laman web yang dihasilkan. Keperluan laman web mendapat persetujuan bahawa pembangunan laman web ini amat penting kepada perniagaan untuk berniaga secara professional dan berdaya saing dengan penggunaan teknologi yang pesat pada masa kini.

Bahagian kedua merupakan kajian terdahulu tentang keberkesanan laman web. Keberkesanan laman web membolehkan sesebuah organisasi untuk berniaga secara atas talian. Sesebuah laman web yang dihasilkan hendaklah diinovasikan dan mempunyai ciri-ciri yang menarik untuk menarik perhatian pengguna. Di samping itu juga, ia boleh meningkatkan kuasa pelanggan untuk membeli di laman web perniagaan yang dijalankan. Seterusnya, bahagian ketiga merupakan kajian terdahulu tentang perniagaan atas talian. Perniagaan atas talian merupakan perniagaan yang amat popular dan menjadi pilihan masyarakat khususnya para pelajar pada masa kini. Kini, urusan harian perniagaan atas talian dapat dipermudahkan dengan adanya kemudahan internet.

BAB 3: METODOLOGI & REKA BENTUK

3.1 Pendahuluan

Bab ini akan menerangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini. Pertama, kajian ini akan menerangkan tentang prosedur untuk menghasilkan produk Laman Web *Café Aqil*. Kemudian, penjelasan mengenai penyelidikan merangkumi persampelan, perkembangan instrument, teknik pengumpulan data dan analisis data yang digunakan dalam kajian ini.

3.2 Reka Bentuk Kajian

3.2.1 Kaedah / Prosedur / Teknik penghasilan projek

Pengkaji lampau berbeza pandangan mengenai reka bentuk kajian. Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian adalah kerangka yang diguna oleh sesebuah kajian bagi mengutip dan menganalisis data. Bagi Robson (2011) pula, reka bentuk kajian berfungsi untuk menukar persoalan kajian kepada projek yang melibatkan komponen tujuan, teori, persoalan kajian, metod dan strategi persamplan. Sementara itu, Creswell (2009) berpandangan, reka bentuk kajian adalah rancangan atau cadangan bagi menjalankan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod kajian. Reka bentuk kualitatif sesuai bagi kajian deskriptif manakala kajian yang bertujuan membuat penjelasan, reka bentuk eksperimen adalah sesuai diguna (Robson, 2011).

3.2.2 Model ADDIE

Pembangunan produk ini dilaksanakan dengan menggunakan model “ADDIE “

Model ADDIE merupakan satu kaedah yang mudah digunakan serta membantu pengkaji dalam membangunkan projek Model ‘ADDIE ‘ diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987. Secara umumnya terdapat lima fasa yang terdapat di dalam model ADDIE iaitu :

- i. Analysis (analisis)
- ii. Design (reka bentuk)
- iii. Development (pembangunan)
- iv. Implementation (perlaksanaan)
- v. Evaluation (penilaian)

a. Fasa Analisis

Peringkat Analisis merupakan asas bagi semua peringkat lain dalam reka bentuk pengajaran yang bertujuan mengenal pasti objektif, kandungan, kesesuaian terhadap sasaran, dan capaian model pembelajaran dan pengajaran (Gustafson & Branch, 2007; Larson & Lockee, 2014; McKenney & Reeves, 2012; Morrison, Ross, & Kemp, 2007). Dalam fasa analisis ini, pengkaji mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh perniagaan dan juga cara mencapai objektif kajian. Hal ini, pengkaji dapat mengenal pasti:

- i) laman web *Café Aqil* yang dibangunkan dapat membantu pihak kafeteria menangani jumlah pelanggan yang ramai pada suatu masa.
- ii) laman web *Café Aqil* dapat membantu menguruskan operasi harian kafeteria iaitu pengambilan pesanan dengan lebih cekap.

Selain itu, di peringkat ini juga pengkaji menganalisis keberkesanan pemberitahuan notifikasi di laman web *Café Aqil* agar pihak kafeteria dapat menyediakan makanan dan minuman dalam tempoh yang sepatutnya. Kesimpulannya, fasa analisis yang telah dilakukan untuk kajian ini adalah dengan mengenal pasti masalah dan keperluan perniagaan serta pengguna yang akan dijadikan sebagai garis panduan untuk membangunkan Laman Web *Café Aqil*.

b. Fasa Reka bentuk

Di bahagian reka bentuk, pengkaji telah membangunkan produk mengikut objektif kajian dengan menggunakan instrumen penilaian pengkaji serta data-data daripada pemilik Kafeteria Aqil. Reka bentuk bermaksud menentukan dan mereka kaedah instruksional yang akan digunakan (Junkyu & Juhyun & Luke, 2014)

c. Fasa Pembangunan

Dalam fasa pembangunan ini, pengkaji membangunkan produk dengan mengambil kira laman web yang akan digunakan iaitu Wix.com. Dalam erti kata lain fasa pembangunan merupakan fasa penting yang berkait secara langsung terhadap pemilihan bahan media untuk disesuaikan dengan pembangunan laman web iaitu *Café Aqil*.

d. Fasa Perlaksanaan

Fasa pelaksanaan kemudiannya akan dilaksanakan “pilot test” dalam kalangan pelajar sasaran. Fasa ini melibatkan penyampaian dan pengagihan Laman Web *Café Aqil* kepada pelajar sasaran iaitu pelajar Politeknik Seberang Perai. Fasa ini membolehkan semua bahan diuji untuk mengenal pasti sama ada ia berfungsi dengan baik dan sesuai untuk khalayak yang dimaksudkan (Reiser & Dempsey, 2007).

e. Fasa Penilaian


Fasa yang terakhir ialah fasa penilaian yang merangkumi proses penilaian ke atas keberkesanan laman web sebelum dan selepas dilaksanakan. Penilaian perlu dibuat secara berterusan dan bersepadu pada semua peringkat untuk mengetahui keberkesanan Laman Web *Café Aqil*. Laman web ini telah dilaksanakan dan daripada pelaksanaan tersebut, terbukti laman web ini berjaya menangani permasalahan yang berlaku. Untuk tujuan mengukur keberkesanan laman web ini, ujian telah dijalankan.

3.3 Kaedah penghasilan projek

3.3.1 Teknik penghasilan projek

Dalam proses menghasilkan produk Laman Web Café Aqil, terdapat beberapa langkah yang perlu dijalankan seperti berikut:


LANGKAH 1



Rajah 3.1 Log masuk ke akaun anda atau daftar

LANGKAH 2


Langkah kedua adalah pengkaji telah memilih templat yang bersesuaian seperti yang diminta oleh pemilik Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Perai.



Rajah 3.2 Memilih templat yang sesuai

LANGKAH 3


Langkah ketiga adalah pengkaji telah mereka bentuk laman web mengikut kehendak pengurusan Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Perai.



Rajah 3.3 Mereka bentuk laman web

LANGKAH 4


Langkah keempat adalah pengkaji telah menambahkan bahan ke dalam menu. Pengkaji juga telah mengagihkan kategori masing masing supaya pekerja cafeteria boleh mengenal pasti set menu.



Rajah 3.4 Menambahkan menu

LANGKAH 5


Langkah kelima adalah pengkaji telah menyambungkan penyedia pembayaran. Penjual dapat membuat pembayaran dalam talian dan urus semua transaksi, bayaran balik dan pembayaran daripada papan pemuka khusus.



Rajah 3.6 Menyambungkan penyedia pembayaran

LANGKAH 6


Langkah keenam adalah pengkaji telah memilih domain yang percuma. Domain yang dipilih adalah melalui Wix.com



Rajah 3.6 Domain yang dipilih adalah melalui Wix.com

LANGKAH 7

Langkah ketujuh adalah pengkaji telah terbitkan laman web *Café Aqil*.






Rajah 3.7 Terbitkan laman web Café Aqil

3.3.2 Cara untuk mengendalikan laman web Café Aqil di Politeknik Seberang Perai


LANGKAH 1

Setelah membuka laman web, pelanggan akan melihat halaman utama. Halaman utama mempunyai informasi tentang Kafeteria Aqil. Kemudian, pelanggan perlu menekan butang *Log In* dan memilih butang *Sign up with email*.




LANGKAH 2

Kemudian, pelanggan perlu mengisi *Email* dan *Password* yang sesuai serta menekan butang *Sign up*.




LANGKAH 3

Butang *Menu* akan membawa pelanggan ke halaman yang mengandungi semua hidangan yang sediakan di kafeteria. Maka, pelanggan boleh menekan butang *Lunch / Dinner / Beverage* untuk melihat makanan dan minuman yang tersedia.




LANGKAH 4

Butang *Order Online* untuk pelanggan memesan makanan dan minuman kemudiannya menekan butang *Add to my order*.






LANGKAH 5

Kemudiannya, menekan butang *View Cart* akan memaparkan halaman *My Order*. Pelanggan harus menekan butang *Continue to Checkout* untuk membuat pesanan.




LANGKAH 6

Paparan sebegini akan keluar setelah itu maka, pelanggan perlu menekan *Continue* dan mengisi *Contact Information*.



LANGKAH 7


Akhir sekali, paparan *Review and Place Order* akan terpapar dan anda telah selesai membuat pesanan.



3.3.3 Cara untuk mengendalikan Wix Owner untuk pengurusan pihak kafeteria

LANGKAH 1


Langkah pertama, pemilik perlu memuat naik aplikasi Wix Owner dan perlu menekan *Log in with Email* dan perlu memasukkan *Email* dan *Password* pemilik.



By signing up you agree to Wix [Terms of Use](#), to get email & updates, and you acknowledge that you have read our [Privacy Policy](#)


LANGKAH 2

Langkah kedua, setelah pemilik telah masuk ke akaun wix owner, pemilik perlu menekan “Restaurant Order “ untuk melihat pesanan yang diterima.




LANGKAH 3

Sekiranya terdapat *Inbox* seperti didalam gambar yang tertera dibawah, ia bermaksud pemilik telah menerima pesanan.




LANGKAH 4

Seterusnya, setelah menekan inbox yang diterima oleh pemilik, senarai makanan yang dipesan oleh pelanggan akan tertera seperti gambar yang ditunjukkan dibawah dan pemilik perlu menekan “ accept order ” untuk memberitahu pelanggan bahawa pesanan diterima.




LANGKAH 5

Langkah kelima, setelah pemilik telah siap membuat pesanan, pemilik perlu menekan “ fullfil order ” untuk memberitahu pelanggan bahawa makanan yang dipesan telah siap dimasak.



LANGKAH 6

Langkah yang terakhir, “sales overview” yang terdapat pada aplikasi tersebut membolehkan pemilik untuk menilai dan melihat jumlah sales pada masa yang tertentu. Selain itu, pemilik juga dapat melihat jumlah makanan yang terjual mengikut unit. Maka pemilik dapat mengelakkan pembaziran dengan hanya menyediakan makanan dan minuman yang menjadi tarikan.



3.3.4 Bahan dan peralatan

Bahan dan peralatan yang pengkaji gunakan untuk mewujudkan laman web *Café Aqil* ialah dengan menggunakan platform Wix. Hal ini dapat memudahkan pengkaji untuk mewujudkan laman web ini. Antara bahan dan peralatan lain yang digunakan untuk mewujudkan laman web ini adalah:

Telefon pintar	Diperlukan untuk mengakses laman web Café Aqil	
Jaringan Internet	Digunakan semasa melayari laman web Café Aqil yang digunakan untuk memberikan notifikasi kepada pelanggan	
Laptop	Diperlukan untuk mengakses dan memasukkan data-data dan informasi ke dalam laman web dengan lebih mudah dan efektif	

3.3.5 Kajian rintis

Laman web *Café Aqil* iaitu sistem pesanan makanan melalui atas talian dibangunkan mengikut keperluan Kafeteria Aqil serta hasil temu bual dengan pengusaha perniagaan tersebut iaitu Encik Aqil dan juga pekerjanya. Selain itu, kami memutuskan untuk melaksanakan pra-penyelidikan ke atas 20 responden untuk mengetahui pendapat mereka mengenai laman web *Café Aqil* yang kami laksanakan ini. Kajian rintis ini membolehkan pekerja perniagaan tersebut termasuk Encik Aqil iaitu pemilik perniagaan itu sendiri mengambil bahagian dalam ujian ini.

3.3.6 Maklumbalas kajian rintis

Dalam kajian ini, borang soal selidik secara atas talian telah dihasilkan untuk digunakan bagi mendapatkan maklum balas kajian rintis. Hasil dapatan maklum balas kajian tersebut menunjukkan bahawa produk ini perlu ada penambahbaikan dari segi icon atau simbol yang digunakan dan kesesuaian warna yang digunakan supaya laman web yang dihasilkan menarik mengikut warna yang sesuai dengan tema produk perniagaan yang dijalankan.

Borang soal selidik yang dihasilkan iaitu melalui “ Google form ” telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas daripada 20 responden iaitu daripada pelajar politeknik Seberang Perai untuk mengetahui pendapat mereka mengenai laman web *Café Aqil* ini. Mereka diminta untuk menjawab soal selidik dan menyatakan pendapat mereka mengenai tahap kepuasan penggunaan laman web yang telah dihasilkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa sebanyak 100% pelajar menyatakan bahawa laman web *Café Aqil* ini merupakan laman web yang mesra pengguna. Selain itu, keseluruhan pelajar bersetuju bahawa laman web *Café Aqil* ini mudah diakses. Seterusnya terdapat 100% responden bersetuju bahawa laman web ini dapat memudahkan pelanggan untuk membuat pembayaran. Selain itu, kesemua responden iaitu 100% telah menyatakan bahawa pihak kafeteria tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mengambil pesanan pelanggan. Selanjutnya, seramai 96.8% pelajar bersetuju bahawa setiap perincian yang dihasilkan ditunjukkan dengan jelas dan seramai 3.2% pelajar kurang bersetuju terhadap pernyataan tersebut. Tambahan pula kesemua 36 responden (100%) juga bersetuju bahawa ilustrasi iaitu gambar dan simbol yang ditunjukkan mudah untuk difahami. Akhir sekali, 100%

pelajar menyatakan dengan adanya laman web ini, pelanggan dapat dilayan dengan cepat.

1. Laman web Cafe Aqil merupakan laman web yang mesra pengguna.

 Copy

62 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

2. Laman web Cafe Aqil ini mudah diakses.

 Copy

62 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

5. Pihak kafeteria tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mengambil pesanan pelanggan.

 Copy

62 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

6. Pelanggan dilayan dengan cepat.

 Copy

62 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

14. Ilustrasi yaitu gambar dan simbol yang ditunjukkan mudah untuk difahami.

 Copy

62 responses




- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

8. Pelanggan mudah membuat pembayaran .

 Copy

62 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

13. Setiap perincian yang dihasilkan ditunjukkan dengan jelas.

 Copy

82 responses



- Sangat Setuju
- Setuju
- Tidak Pasti
- Tidak Setuju
- Sangat Tidak Setuju

3.3.7 Penambahbaikan produk

Hasil dari maklumbalas kajian yang telah diedarkan mengenai laman web Café Aqil dengan menggunakan “ google form”. Pengkaji mendapati bahawa maklum balas yang diperolehi menyatakan beberapa responden kurang bersetuju dengan setiap perincian yang dihasilkan. Jadi, pengkaji akan membuat penambahbaikan untuk setiap perincian yang ditunjukkan di dalam laman web *Café Aqil* untuk memudahkan pelanggan dan penjual untuk melayari laman web tersebut.

3.4 Kaedah analisis data

Hasil dapatan soal selidik ini telah di analisis menggunakan platform Microsoft melalui soal selidik Google Form kepada pelanggan dan pengurus Café Aqil di Politeknik Seberang Perai dengan menggunakan Laman Web. Soal kaji selidik telah mengambil masa 5 dari proses mengedarkan set soal selidik sehingga set soal kaji selidik itu kembali ke tangan kami. Kami telah membuat penambahbaikan dari segi fungsi sistem yang digunakan dan juga Bahasa yang mudah untuk difahami pada masa yang sama corak sistem Laman Web.

3.5 SWOT analisis

Analisis S.W.O.T adalah satu kaedah atau proses yang biasa digunakan dalam perancangan dan persediaan dalam sesuatu perniagaan. S.W.O.T adalah merupakan singkatan kepada ayat Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats. Objektif pembentukan S.W.O.T ini adalah bertujuan untuk menilai analisis dalaman dan luaran yang dapat membantu pembentukan atau mempengaruhi sesuatu kejayaan. Strength dan Weaknesses adalah merupakan analisis dalaman manakala Opportunities dan Threats adalah analisis luaran. Analisis dalaman untuk melakukan penilaian untuk sesuatu proses atau kaedah antaranya adalah struktur organisasi, strategi dan kecekapan. Selain itu, analisis luaran adalah satu peluang untuk memperkenalkan produk atau perkhidmatan baru. Perubahan persekitaran luaran membabitkan pelanggan, laman sosial dan persekitaran peraturan.

3.6 Analisis 4P

Konsep strategi pemasaran analisis 4P dalam perniagaan ialah untuk memastikan semua produk dan perkhidmatan bagi sesebuah perniagaan dapat diketahui oleh orang ramai. Sekaligus, meningkatkan keuntungan yang diperolehi oleh pihak syarikat. 4P bermaksud price (harga), product (produk), promotion (promosi) dan place (tempat).

Strategi 4P yang pertama ialah price (harga). Harga adalah sesuatu yang amat penting untuk menggambarkan harga setiap perkhidmatan yang ditawarkan, Selain itu, harga juga memainkan peranan penting untuk menarik minat pelanggan.

Strategi 4P yang kedua ialah product (produk). Produk mahupun perkhidmatan yang dibuat mestilah memenuhi kehendak pelanggan dan kena dengan citarasa masyarakat setempat.

Strategi 4P yang ketiga ialah promotion (promosi). Promosi amat penting bagi sesebuah perniagaan untuk menarik perhatian pelanggan dan masyarakat setempat untuk menggunakan perkhidmatan yang disediakan

Strategi 4P yang keempat ialah place (tempat). Tempat adalah salah satu elemen yang perlu diselidik terlebih dahulu sebelum membangunkan perniagaan. Tempat yang strategik adalah tempat yang paling bagus untuk membangunkan sesebuah perniagaan tetapi bergantung kepada citara masyarakat setempat.

3.7 Impak projek

Inovasi Laman Web Aqil ini mempunyai beberapa impak hasil daripada penghasilan laman web bagi mengatasi masalah kajian. Berikut adalah penjelesan impak mengikut sub topik yang telah dibincangkan :

a. Proses pemesanan menjadi lebih mudah

Kejayaan café bergantung pada beberapa faktor, antaranya konsep, lokasi, tawaran, kakitangan dan pengetahuan perniagaan. Jika pihak kakitangan ingin mewujudkan identiti yang kukuh dan menyelaraskan operasi, pertimbangkan untuk melaksanakan sistem pesanan menu digital. Menu digital boleh menghilangkan keperluan untuk pelanggan menunggu untuk dilayan. Ia membolehkan mereka membuat pesanan sambil duduk dengan selesa di meja mereka.

b. Mudah dalam pembaruan menu dan harga

Dengan menggunakan laman web untuk pelanggan memesan makanan, pihak café jugak dapat memudahkan urusan untuk menukar atau mengubahsuai harga dan menu makanan yang terdapat dalam laman web. Sistem ini dapat memudahkan pelanggan mahupun penjual untuk menguruskan dengan menggunakan sistem digital.

c. Dapat menjimatkan masa pelanggan

Terdapat ramai pelanggan yang membuang masa dengan memesan makanan di café dan mengambil masa yang lama untuk menunggu makanan siap dimasak, Dengan adanya laman web *Café Aqil* ini, ia dapat memudahkan urusan memesan makan dan dapat menjimatkan masa ketika menunggu makanan siap.

3.8 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah menerangkan tentang reka bentuk Laman Web ini, proses-proses pembuatan Laman Web, kajian rintis, penambahbaikan Laman Web, analisis data serta beberapa impak yang menarik dalam penghasilan Laman Web ini. Seterusnya, dalam bab ini pengkaji telah melakukan beberapa analisis bagi memastikan Laman Web ini boleh diterima oleh para pengguna dalam proses membuat pesanan dari Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Perai. Pengkaji telah menerima beberapa perkara yang perlu dianalisis dalam penghasilan Laman Web ini agar dapat memberi tahu keberkesanan Laman Web ini. Akhirnya, pengkaji juga telah mensasarkan para pengguna yang akan mengakses Laman Web ini iaitu terdiri daripada pelanggan sekitar Politeknik Seberang Perai.

BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan

Bab ini akan memmanifestasikan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian. Kajian ini akan menerangkan tentang kelebihan dan kekurangan produk serta masalah yang akan dihadapi ketika menghasilkan laman web *Café Aqil* dan masa yang diperlukan dalam membangunkan laman web *Café Aqil* ini.


4.2 Dapatan kajian

Dapatan kajian laman web *Café Aqil* yang telah dihasilkan menunjukkan sistem laman web *Café Aqil* mendapat maklum balas yang positif daripada 82 orang responden. Perkara ini dapat dibuktikan melalui data daripada borang soal selidik yang dikumpulkan seperti berikut:



Rajah 4.2.1

Rajah 4.2.1 menunjukkan kesemua responden mengatakan sangat bersetuju bahawa laman web *Café Aqil* merupakan laman web yang mesra pengguna.




Rajah 4.2.2

Rajah 4.2.2 menunjukkan kesemua orang responden mengatakan Sangat bersetuju bahawa laman web *Café Aqil* ini mudah diakses.



Rajah 4.2.3

Rajah 4.2.3 menunjukkan 92.7% responden mengatakan sangat bersetuju, 1.2% bersetuju manakala 6.1% tidak pasti bahawa pihak kafeteria dapat memuat naik penutupan operasi kafeteria melalui penggunaan laman web *Café Aqil*.



Rajah 4.2.4

Rajah 4.2.4 menunjukkan seramai 95.1% responden mengatakan sangat bersetuju, 3.7% bersetuju manakala 1.2% responden mengatakan tidak pasti bahawa pada pihak kafeteria dapat membuka pesanan mengikut waktu yang telah dirancang.




Rajah 4.2.5

Rajah 4.2.5 menunjukkan kesemua responden iaitu 100% mengatakan sangat bersetuju bahawa pihak kafeteria tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mengambil pesanan pelanggan dengan adanya laman web *Café Aqil*.



Rajah 4.2.6

Rajah 4.2.6 menunjukkan kesemua responden mengatakan sangat bersetuju bahawa pelanggan dilayan dengan cepat apabila menggunakan laman web *Café Aqil*.



Rajah 4.2.7

Rajah 4.2.7 menunjukkan seramai 97.6% responden mengatakan sangat bersetuju manakala 2.4% responden mengatakan tidak pasti bahawa pelanggan dapat mengetahui senarai harga makanan yang diniagakan apabila menggunakan laman web *Café Aqil*.



Rajah 4.2.8

Rajah 4.2.8 menunjukkan kesemua responden iaitu 100% mengatakan sangat bersetuju bahawa pelanggan mudah membuat pembayaran di dalam laman web *Café Aqil*.




Rajah 4.2.9

Rajah 4.2.9 menunjukkan 92.7% responden mengatakan sangat bersetuju, 2.4% bersetuju manakala 4.9% mengatakan tidak pasti bahawa pihak kafeteria dapat menyiapkan makanan mengikut jangka masa yang diminta oleh pelanggan melalui penggunaan laman web *Café Aqil*.




Rajah 4.2.10

Rajah 4.2.10 menunjukkan 98.8% responden mengatakan sangat bersetuju manakala 1.2% mengatakan tidak pasti bahawa maklumat pelanggan yang mengakses laman web untuk membuat pesanan makanan secara tidak langsung akan dikenalpasti oleh pihak kafeteria.



Rajah 4.2.11

Rajah 4.2.11 menunjukkan 97.6% responden mengatakan sangat bersetuju, 1.2% bersetuju manakala 1.2% mengatakan tidak pasti pada size font yang digunakan dalam laman web *Café Aqil* adalah sesuai.



Rajah 4.2.12

Rajah 4.2.12 menunjukkan 97.6% responden mengatakan sangat bersetuju, 1.2% mengatakan setuju manakala 1.2% responden lagi mengatakan sangat tidak bersetuju pada jenis font yang digunakan sesuai.



Rajah 4.2.13

Rajah 4.2.13 menunjukkan 97.6% responden mengatakan sangat bersetuju, 1.2% bersetuju manakala 1.2% responden mengatakan tidak pasti bahawa setiap perincian yang dihasilkan ditunjukkan dengan jelas dalam laman web *Café Aqil*.



Rajah 4.2.14

Rajah 4.2.14 menunjukkan kesemua 82 orang responden iaitu 100% mengatakan sangat bersetuju bahawa ilustrasi iaitu gambar dan simbol yang ditunjukkan mudah untuk difahami.



Rajah 4.2.15

Rajah 4.2.15 menunjukkan 93.5% responden mengatakan sangat bersetuju 5.2% bersetuju manakala 1.3% responden mengatakan tidak bersetuju pada setiap bar menu laman web *Café Aqil* berfungsi dengan baik.

Analisis SWOT

Keberkesanan produk ini ini juga dianalisis dengan menggunakan analisis SWOT. Analisis SWOT ini juga dijalankan bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pihak kafeteria iaitu Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Seberang Perai. Hasil analisis SWOT yang dijalankan adalah seperti berikut :

S-Strength (Kekuatan)

a) Dapat memudahkan pihak kafeteria untuk mengendalikan operasi perniagaan.

Laman web *Café Aqil* yang dihasilkan ini dapat memudahkan urusan pihak kafeteria untuk menerima pesanan daripada pelanggan dalam masa yang singkat. Perkara ini dapat menjimatkan masa pihak kafeteria iaitu pihak kafeteria tidak lagi perlu membuang masa mengambil pesanan para pelanggan secara manual. Pelanggan hanya perlu membuat pesanan dan membayar pesanan makanan secara atas talian melalui laman web tersebut.

Laman web *Café Aqil* ini juga mempunyai sistem perbankan secara atas talian. Para pelanggan hanya perlu mengakses maklumat bank ketika hendak membuat bayaran. Pihak kafeteria tidak perlu menerima bayaran secara tunai. Isu kekurangan baki kepada pelanggan secara tunai dapat diatasi dengan adanya bayaran secara atas talian di laman web *Café Aqil* yang telah dihasilkan.

b) Mengetahui bayaran secara atas talian berjaya atau tidak berjaya.

Laman web *Café Aqil* dilengkapi dengan sistem notifikasi secara automatik. Sekiranya pembayaran atau transaksi terbatal sebarang pesanan atau bayaran tidak akan diterima oleh pihak kafeteria. Sebagai pengesahan pelanggan hanya perlu memastikan baki daripada akaun bank mereka adalah mencukupi. Apabila tiada sebarang penolakan daripada pihak Kafeteria Aqil berlaku, bermaksud pembayaran atau transaksi adalah terbatal.

W-Weakness (Kelemahan)

Kekurangan dari segi ciri- ciri keselamatan maklumat pengguna.

Laman web *Café Aqil* ini mempunyai kelemahan dari segi keselamatan maklumat pengguna. Hal ini kerana, pengguna yang membuat pesanan akan mengisi maklumat diri terlebih dahulu dan akan meninggalkan beberapa maklumat bagi membuat pembayaran secara atas talian. Perkara ini menjadi tidak selamat apabila maklumat peribadi yang disimpan di dalam laman web boleh digodam dan dicuri oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab. Oleh hal yang demikian, perkara ini mungkin dapat dibaiki dengan mengadakan kepelbagaian ciri-ciri keselamatan yang lebih tegas pada masa akan datang. Tambahan pula, laman web *Café Aqil* ini memerlukan kemahiran dalam menggunakan dan mengakses teknologi maklumat.

O-Opportunities (Peluang)

a) Tidak banyak kafeteria yang menggunakan laman web yang memudahkan urusan pihak kafeteria dalam menjalankan operasi perniagaan.

Boleh dikatakan banyak syarikat perniagaan yang berdaftar tetapi tidak mahu mengambil peluang yang mudah untuk mengendalikan operasi perniagaan. Penggunaan laman web adalah merupakan inisiatif yang sangat baik dalam memudahkan pihak kafeteria untuk menerima dan mengendalikan pesanan pelanggan dengan lebih efisien. Laman web yang dihasilkan memberikan banyak kelebihan kepada perniagaan Kafeteria Aqil. Hal ini kerana, laman web ini jarang ditemui dan setelah berhasilnya laman web ini, ia telah menarik minat beberapa peniaga lain untuk mempunyai laman web syarikat perniagaan sendiri. Di samping itu, laman web *Café Aqil* ini juga mempunyai kelebihan dimana pihak kafeteria hanya menerima bayaran secara atas talian dan isu kekurangan baki secara tunai dapat diatasi. Oleh hal yang demikian kerana, pada era globalisasi ini ramai pengguna kini mahir menggunakan telefon pintar dan aplikasi secara atas talian.

T-Threat (Ancaman)

a) Berkemungkinan kafeteria-kafeteria lain juga akan membangunkan laman web seperti ini.

Pada zaman kini, ramai orang terutamanya peniaga-peniaga yang mempunyai perniagaan berpeluang membangunkan satu laman web dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan laman web untuk perniagaan lain juga boleh dibangunkan secara drastik. Laman web yang dihasilkan oleh perniagaan lain berkemungkinan akan jauh lebih hebat dan mempunyai banyak kelebihan daripada laman web *Café Aqil* yang telah dihasilkan. Seterusnya, lagi merisaukan ialah laman web yang akan dibangunkan adalah lebih canggih dari segi sistem paparan maklumat, cara mengendalikan pesanan dan transaksi perbankan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan berbanding laman web *Café Aqil*.

Analisis 4P

Product (Produk)	<ul style="list-style-type: none">• Produk yang dibangunkan adalah laman web <i>Café Aqil</i> yang merupakan sistem pesanan makanan secara atas talian.• Tujuan produk ini dibangunkan adalah untuk memudahkan pihak kafeteria Aqil dalam proses perniagaan setiap hari.• Dalam produk ini terdapat 'bar menu' yang akan memudahkan pelanggan untuk untuk membuat pesanan. Sebagai contoh, jika pelanggan klik di bahagian 'Menu', Ia akan membawa pelanggan ke bahagian menu makanan yang telah tersedia di ruangan 'Menu makanan' yang di muat naik oleh pihak kafeteria. Tambahan pula, terdapat juga info tentang jenis makanan yang diniagakan oleh pihak kafeteria.
-------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

<p>Price (Harga)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Setelah beberapa tinjauan telah dibuat, harga untuk menubuhkan laman web ini adalah dalam lingkungan RM 100-RM 300. • Kos sebenar produk kami hanya RM 150 sahaja.
<p>Place (Tempat)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Laman Web <i>Café Aqil</i> tersebut akan diletakkan di platform media sosial seperti di aplikasi Wix. Pihak kafeteria dapat memuat turun aplikasi Wix. Hal ini kerana, pihak kafeteria akan menerima pesan pelanggan yang membuat pesanan makanan melalui laman web <i>Café Aqil</i>. Selain itu, link laman web <i>Café Aqil</i> juga akan dipaparkan di hadapan kafeteria untuk kegunaan orang ramai khususnya pelanggan Kafeteria Aqil.
<p>Promotion (Promosi)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Laman web <i>Café Aqil</i> ini menjadi satu elemen penting dalam melonjakkan perniagaan Kafeteria Aqil untuk lebih dikenali oleh orang ramai. • Laman web <i>Café Aqil</i> ini akan diwar-warkan di laman sosial seperti Whatsapp dan Facebook perniagaan Kafeteria Aqil. • Link laman web akan terus diperkenalkan iaitu dengan memaparkan poster laman web tersebut di papan kenyataan Politeknik Seberang Perai. Hal ini supaya orang ramai khususnya warga politeknik tahu dan terus mengakses laman web <i>Café Aqil</i>.

4.3 Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan dan Masalah yang dihadapi Ketika membangunkan produk)

Di bawah topik perbincangan ini akan menerangkan lebih lanjut tentang kelebihan produk, kekurangan produk dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman web *Café Aqil*.

Kelebihan laman web Café Aqil

a) Memudahkan pihak kafeteria menangani jumlah pelanggan yang ramai.

Laman web *Café Aqil* ini boleh dilayari di mana-mana sahaja dengan adanya rangkaian Internet. Hal ini dapat membolehkan pihak kafeteria menerima pesanan makanan daripada pelanggan bila-bila masa sahaja. Oleh hal yang demikian kerana para pelanggan dapat membuat pesanan makanan tanpa perlu pergi ke Kafeteria Aqil malah hanya perlu memesan makanan secara atas talian sahaja melalui laman web tersebut. Maka, jumlah pelanggan di kafeteria dapat dikurangkan.

b) Mempercepatkan pengambilan pesanan dengan lebih cekap.

Kewujudan laman web *Café Aqil* ini dapat membantu pihak kafeteria dalam pengambilan pesanan kerana pesanan boleh diterima menerusi atas talian dan bukannya secara manual. Maka, lebih banyak pesanan yang dapat diterima dalam sesuatu masa.

c) Mempercepatkan penyediaan makanan dan minuman.

Terdapat pemberitahuan notifikasi di laman web *Café Aqil* yang menunjukkan tempoh penyediaan makanan dan minuman. Maka, pihak kafeteria dapat menyediakan hidangan dalam tempoh yang ditetapkan. Justeru ia dapat menjimatkan masa pihak kafeteria dan pelanggan kerana mendapat makanan mereka dengan cepat.

Kekurangan Laman Web Café Aqil

- a) Laman web *Café Aqil* bergantung kepada kemudahan Internet. Laman web *Café Aqil* akan mempunyai masalah teknikal seperti tergendala mungkin disebabkan oleh masalah-masalah tertentu. Sebagai contoh, terdapat gangguan cuaca buruk. Oleh itu, rangkaian Internet tidak stabil dan tidak membolehkan pengguna untuk mengakses laman web *Café Aqil*.
- b) ‘Contact Us’ menjadi masalah kepada sistem laman web *Café Aqil*. Perkara ini terjadi kerana sistem laman web beroperasi 24 jam adalah berbeza dengan waktu pekerjaan pihak Kafeteria Aqil. Hal ini demikian kerana pihak kafeteria akan membalas sebarang pertanyaan atau permintaan daripada pelanggan hanya pada waktu bekerja sahaja. Selebihnya pula, pelanggan hanya dapat akan mendapat maklum balas daripada pihak kafeteria pada hari berikutnya.

Masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman Web Café Aqil

- a) Masalah yang dihadapi ketika membina laman web *Café Aqil* ini adalah kos penggunaan Internet yang agak besar. Laman web yang dihasilkan ini adalah sangat rumit apabila disiapkan hanyalah menggunakan rangkaian internet yang asas sahaja. Ia memerlukan rangkaian Internet yang laju untuk mengakses laman web yang baru dibina. Penggunaan Internet yang laju juga amatlah penting apabila laman web yang dihasilkan telah silap bagi memuat turun segala idea dan isi kandungan kandungan laman web tersebut.
- b) Masalah kedua yang dihadapi ketika membina laman web *Café Aqil* ini ialah apabila susunan kategori menu makanan memerlukan masa yang lama untuk menyusun semula kategori menu makanan mengikut kategori yang sesuai. Perkara ini terjadi setelah menerima maklum balas yang kurang memuaskan oleh responden melalui borang soal selidik kajian rintis.
- c) Masalah ketiga yang dihadapi ialah dari segi pemilihan gaya atau reka bentuk laman web juga memerlukan kos. Hal ini kerana terdapat beberapa laman web yang memerlukan bayaran yang tinggi terutama dalam pemilihan domain.

4.4 Analisis Keberkesanan Laman Web

Analisis keberkesanan aplikasi ini dijalankan bagi menjawab analisis kajian tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa laman web *Café Aqil* yang dihasilkan telah memberi kesan positif. Para pengguna amat bersetuju dengan sistem pesanan yang dapat memudahkan pihak kafeteria untuk menerima dan menyiapkan pesanan dalam masa yang telah diminta oleh pelanggan. Majoriti pengguna mengatakan laman web yang dihasilkan adalah merupakan laman web yang mudah untuk diakses.

4.5 Rumusan

Secara kesimpulannya, bab ini membincangkan mengenai dapatan kajian, perbincangan serta kos yang terlibat dalam laman web *Café Aqil*. Tujuan utama dalam bab ini adalah mengenai kelebihan, kekurangan dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman web *Café Aqil*. Pembangunan produk laman web *Café Aqil* ini mempunyai kelebihan dan kekurangan tersendiri.

BAB 5: KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan mengenai kesimpulan dan cadangan hasil kajian laman web *Café Aqil* yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek berdasarkan kepada analisis SWOT (kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang) bagi menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan penghasilan laman web *Café Aqil*.

5.2 Kesimpulan

Penggunaan laman web *Café Aqil* mempunyai kelemahan dan juga kebaikan tertentu. Laman web ini dicipta untuk membantu memudahkan pihak pengurusan Kafeteria Aqil dari segi pengambilan pesanan dan penyediaan makanan di samping menyelesaikan masalah pelanggan yang ramai sehingga tidak dapat ditangani oleh pihak kafeteria. Laman web *Café Aqil* ini diperbuat dengan menggunakan Wix.com.

Kelebihan laman web adalah ia lain daripada yang lain kerana kebanyakan kafeteria di universiti tidak menggunakan laman web untuk perniagaan mereka. Ia juga membuatkan Kafeteria Aqil lebih unik. Ciri-ciri laman web yang pengaji telah bangukan adalah interaktif dan dilengkapi dengan informasi tentang makanan.

Laman web ini telah dicuba oleh pengguna untuk memastikan kekurangan yang terdapat pada laman web ini. Antara ciri yang perlu diperbaiki adalah dari segi size font, jenis font dan meletakkan perincian yang lebih jelas. Hal-hal ini pengkaji telah baiki.

Laman web ini mampu berdaya saing dengan baik di pasaran dan membantu memudahkan perniagaan Kafeteria Aqil untuk maju dalam bab teknologi berbanding dengan perniagaan lain.

5.3 Cadangan

Laman web *Café Aqil* mempunyai kelebihan dan keberkesanan dalam membantu perniagaan Kafeteria Aqil. Namun, terdapat juga kelemahan. Antara kelemahan yang didapati adalah masalah dari segi kos perbelanjaan yang agak tinggi diperlukan bagi membeli beberapa perisian untuk menghubungkan Laman web *Café Aqil* ini dengan bank-bank tertentu agar para pelanggan dapat membuat pembayaran di atas talian. Perkara ini boleh diatasi dengan menggunakan ciri-ciri yang terdapat dalam Wix.com iaitu Stripe yang lebih murah daripada perisian lain.

5.4 Limitasi Projek

1. Pengaksesan Laman Web

Laman web *Café Aqil* hanya boleh diakses oleh pelanggan dan pihak pengurusan di Kafeteria Aqil sahaja. Laman web yang dihasilkan ini secara tidak langsung dapat dikembangkan dan digunakan oleh para peniaga yang berada di sekitar Pulau Pinang.

2. Jumlah Analisis Kajian

Jumlah analisis kajian yang terhad kerana hanya dijalankan di Politeknik Seberang Perai sahaja. Analisis projek yang dijalankan juga hanya boleh digunakan oleh pelajar Politeknik Seberang Perai sahaja. Oleh hal yang demikian akan menjadi lebih menarik jika analisis ini dijalankan di luar kawasan perniagaan komersial di sekitar Pulau Pinang.

3. Instrument Kajian

Kajian ini hanya menggunakan satu kaedah sahaja iaitu kaedah soal selidik. Soal selidik ini telah dijalankan secara atas talian melalui Google Form. Hal ini dapat menjimatkan masa responden untuk menjawab dan dapat mempercepatkan pemrosesan data untuk soal selidik ini.

5.5 Rumusan

Secara dasarnya kajian ini membincangkan mengenai penghasilan produk inovasi berkenaan laman web *Café Aqil* yang dibangunkan untuk kegunaan memajukan perniagaan Kafeteria Aqil. Kajian ini mempunyai bab yang membincangkan mengenai laman web *Café Aqil*. Bab yang pertama membuat kajian mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian tentang perniagaan Kafeteria Aqil. Bab yang seterusnya iaitu bab kedua membincangkan tentang kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini seperti maklumat produk, proses pembangunan produk, pembaharuan produk dan kaedah kajian. Bab yang ketiga membincangkan mengenai analisis situasi yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan analisis dapatan kajian kedua. Seterusnya ialah analisis kewangan untuk projek laman web *Café Aqil*, diikuti dengan impak produk dan diakhiri dengan aspek pengkomersialan. Akhir sekali, bab keempat merangkumi kesimpulan dari keseluruhan projek dan cadangan serta penambahbaikan yang dapat dilakukan oleh pengkaji.

RUJUKAN

Abidin, Azlina & Yusoff, Nur hafizah. (2020). Amalan Pembelian Tanpa Tunai Dalam Kalangan Masyarakat Awam Semasa Tempoh Pkp Covid19.

Ahmad Munir, W. Abd Aziz & Noor Maizurah (2011). Kesan sumber-sumber teknologi dan kemahiran pengurusan dagang ke atas ke upayaan organisasi. *International Conference on Management Proceeding*.

Arisah, F. M., Zainal Badari, S. A., & Hashim, A. H. (2016). Amalan Pembelian Secara Atas Talian dan Faktor-Faktor Mempengaruhi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(3), 111 - 123.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i3.21>

Basaruddin. (2018, May 21). *Grab tingkat kaedah pembayaran tanpa tunai*. Retrieved October 19, 2022, from <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/korporat/2018/05/428372/grab-tingkat-kaedah-pembayaran-tanpa-tunai>

Betty Ngu Cheh Ing (2002). Pertumbuhan dan penggunaan laman web perniagaan di Malaysia from: [https://ir.unimas.my/id/eprint/1116/1/ngu+betty+chih+ing%20\(1\).pdf](https://ir.unimas.my/id/eprint/1116/1/ngu+betty+chih+ing%20(1).pdf)

Cecilia, D.W.P.S. (2015). Pengaruh kepercayaan, keamanan, persepsi resiko dan kualiti perkhidmatan terhadap keputusan pembelian secara online. [Tesis Sarjana Pengurusan. Fakulti Ekonomi dan Bisnes]. Universiti Dian Nuswantoro Semarang. Indonesia

Chua, B. (n.d.). *Customer Restaurant Choice: An Empirical Analysis of Restaurant Types and Eating-Out Occasions*. MDPI. Retrieved October 24, 2022, from <https://www.mdpi.com/1660-4601/17/17/6276>

Harn, A. C. P., Khatibi, A., & Ismail, H. (2006). E-Commerce: A study on online shopping in Malaysia. *Journal of Social Sciences*, 15(5), 232-242.

Izatul Akmar & Amin Che Ahmat (2019), <https://www.researchgate.net/publication/335175666> STRATEGI E PEMASARAN_DALAM_TRANSFORMASI_PEMASARAN_PRODUK_USAHA WAN_ASNAF_SATU_CADANGAN

Jasniza Mohd Jaafar, Mustafa Man. Sistem pembayaran elektronik tanpa tunai: satu keperluan di era covid-19 pandemik from: <https://journal.umt.edu.my/index.php/jmsi/article/view/285>

Kolesar, M. and Galbraith, W. (2000). A Services-Marketing Perspective on e-Retailing: Implications for e-Retailers and Directions for Further Research. *Internet Research*, 10, 424-438. <https://doi.org/10.1108/10662240010349444>

Kod QR - Wikipedia Bahasa Melayu, ensiklopedia bebas. (2017, February 23). Kod QR - Wikipedia Bahasa Melayu, Ensiklopedia Bebas. Retrieved October 19, 2022, from https://ms.m.wikipedia.org/wiki/Kod_QR

Mamat, Suzanna Azmieda and Othman, Mohd Zainudin (2017) Etika peniaga atas talian dari perspektif pelajar di Universiti Utara Malaysia, Sintok. In: Symposium on Technology Management & Logistics (STML–Go Green) 2016, 6th - 7th December 2016, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia from: <https://repo.uum.edu.my/id/eprint/22596/>

Mujiyana Ingge Elissa (2013). *Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Pembelian Via Internet Pada Toko Online J@Ti Undip, Vol Viii, No 3, September 2013*

Muhammad Thoriq & Mohd Abd Wahab Fatoni (2021). Pembelian dalam talian menjadi norma baharu: satu tinjauan, Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 from: <https://www.researchgate.net/profile/Noraznida-Husin> 2/publication/353356752_PEMBELIAN_DALAM_TALIAN_MENJADI_NORMA_BAHARU_SATU_TINJAUAN/links/60f7c0ba169a1a0103a8518d/PEMBELIAN-DALAM-TALIAN-MENJADI-NORMA-BAHARU-SATU-TINJAUAN.pdf

Mohamad Izwan Hafiz Jamsari, Norhaida Mohd Suaib (2016). Aplikasi pesanan makanan telefon pintar from: <https://engineering.utm.my/computing/proceeding/wp-content/uploads/sites/114/2018/04/Aplikasi-Pesanan-Makanan-Telefon-Pintar.pdf>

Nurmawaddah binti Rosli (2014). *Penggunaan Internet di Kalangan Peniaga Atas Talian. Tesis Sarjana Muda Ekonomi, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.*

Saian, A. F., & Mat Rejab, M. (2022). Sistem Pengurusan Restoran Burger Bakar Adden from: <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/aitcs/article/view/7743>

Siti Haniah Rohmad. (2015). Garis panduan dan etika e-dagang bagi produk fizikal menurut perspektif Syariah (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Spiller, P. & L & se, G. L. (forthcoming). A classification of Internet retail stores. *International Journal of Electronic Commerce*, 2, 2.

Yeni Susilowati. Modul E-Commerce-Teaching Factory For Students. Mutiara Publisher, 2019.

Yuvaraj, S. & Sheila Eveline, N. 2018. Consumers' Perception Towards Cashless Transactions and Information Security In The Digital Economy. *International Journal of Mechanical Engineering and Technology (IJMET)* 9(7): 89-96.

Lampiran 1

Maklum balas Responden untuk Analisis Keperluan.

	Ya (%)	Tidak (%)
a) Masalah yang dihadapi :		
Kafeteria tidak mempunyai platform digital.	100	-
Berlakunya pembaziran masa para pelajar.	91.4	8.6
Pengambilan pesanan yang perlahan.	100	-
Penyediaan makanan yang tidak cekap.	100	-
	Ya (%)	Tidak (%)
b) Ciri-ciri yang perlu dimasukkan dalam laman web :		
Harga makanan	100	-
Menu harian	97.1	2.9
Reka bentuk yang menarik	100	-
Bahasa yang mudah difahami	100	-
Gambar yang jelas	94.3	5.7
Perincian yang jelas	94.3	5.7
Sistem notifikasi yang menarik	100	-
Warna yang menarik	100	-
Icon atau symbol digunakan jelas	100	-

Lampiran 2

Maklum balas Responden untuk Kajian Rintis.

	Setuju (%)	Tidak setuju (%)
Laman Web Café Aqil merupakan laman web yang mesra pengguna.	100	-
Laman web Café Aqil mudah diakses	100	-
Pelanggan mudah membuat pembayaran.	100	-
Pihak kafeteria tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mengambil pesanan pelanggan.	100	-
Setiap perincian yang dihasilkan ditunjukkan dengan jelas	96.8	3.2
Ilustrasi iaitu gambar dan simbol yang ditunjukkan mudah untuk difahami.	100	-
Pelanggan dilayan dengan cepat.	100	-

Lampiran 3

Maklum balas Responden untuk Dapatan Kajian.

	Setuju (%)	Tidak setuju (%)
Laman web Café Aqil merupakan laman web yang mesra pengguna.	100	-
Laman web Café Aqil ini mudah diakses.	100	-
Pihak kafeteria dapat memuat naik penutupan operasi kafe.	92.7	7.3
Pihak kafeteria dapat membuka pesanan mengikut waktu yang telah dirancang.	95.1	4.9
Pihak kafeteria tidak perlu mengambil masa yang lama untuk mengambil pesanan pelanggan.	100	-
Pelanggan dilayan dengan cepat	100	-
Pelanggan dapat mengetahui senarai harga makanan yang diniagakan.	96.6	2.4
Pelanggan mudah membuat pembayaran.	100	-
Pihak kafeteria dapat menyiapkan makanan mengikut jangka masa yang diminta oleh pelanggan.	92.7	7.3
Maklumat pelanggan yang mengakses laman web untuk membuat pesanan makanan secara tidak langsung akan dikenalpasti oleh pihak kafeteria.	98.8	1.2
Size font yang digunakan sesuai.	97.6	2.4
Jenis font yang digunakan sesuai.	97.6	2.4
Setiap perincian yang dihasilkan ditunjukkan dengan	97.6	2.4

jelas.		
Ilustrasi iaitu gambar dan simbol yang ditunjukkan mudah untuk difahami.	100	-
Setiap bar menu berfungsi dengan baik.	93.5	6.5



Gambar ini merupakan pemilik Kafeteria Aqil iaitu Encik Ahmad Aqil Taquiddin.



Gambar di atas merupakan menu-menu yang disediakan oleh Kafeteria Aqil



Gambar ini menunjukkan Kafeteria Aqil di Politeknik Seberang Perai, Permatang
Pauh.